

**PENGETAHUAN KOMUNITI BAJAU-LAUT  
TERHADAP PENSTRUKTURAN TAMAN  
MARIN SABAH**

# PENGETAHUAN KOMUNITI BAJAU-LAUT TERHADAP PENSTRUKTURAN TAMAN MARIN SABAH

**Noviatin Syarifuddin<sup>1</sup>,**

(Pelajar Sarjana Falsafah), Program Antropologi Sosiologi  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

## **ABSTRACT**

Excessive exploitation of marine resources by using traditional fishing gear by the *Bajau-Laut* (sea gipsies) community has an impact on sustainability around marine park conservation zones. Is it possible for the *Bajau-Laut* community to lessen their traditional fishing activities if their knowledge on the conservation zone's regulatory structure is suitable? Therefore, this paper employs a phenomenological approach to study the *Bajau-Laut* community knowledge on the conservation zone's regulatory structure of the *Tun Sakaran Marine Park, Sabah*. A study was conducted in *Kampung Tundun, Bum-Bum* of *Semporna* district, *Sabah*, utilising in-depth interview survey which involved ten informants selected through purposive sampling technique. The study employed Anthony Giddens' Structure Theory as the analytical framework to understand the process of zone's regulatory restructuring of the marine parks that impact the life of the *Bajau-Laut* community. Results show that the level of the community knowledge on the conservation zones, including the Fish Zone, the Common Use Zone and the Conservation / Prohibition Zone is moderate. The study confirms that the level of knowledge of the *Bajau-Laut* community is not yet sufficient to respond positively to the restructuring of the conservation zones. Theoretically, the structure (administrator) has the power to create a conservation zone scheme. Meanwhile, the agency (the *Bajau-Laut* community) was unable to prevent the restructuring of the national park by the administrative agency.

**Keywords:** Bajau-Laut community, conservation zones, Sabah Marine Park, Structure Theory

---

<sup>1</sup> Penulis koresponden (noviatin@ukm.edu.my)

## PENDAHULUAN

Penstrukturan taman marin merupakan suatu usaha ahli jawatankuasa Lembaga Pemegang Amanah Tanah-Tanah Sabah (LPATS) dengan kerjasama agensi Taman Marin Tun Sakaran (TMTS). Melalui pewartaan *Coral Triangle Reef* dan kedudukan yang terletak di luar Pantai Timur Pulau Borneo, taman marin yang berkeluasan 350 km<sup>2</sup> persegi ini meliputi kawasan laut dan terumbu karang yang diiktiraf sebagai taman marin terpenting di Malaysia (Brunt 2013). Permukaan perairan yang diliputi dengan kepelbagaian biodiversiti dan sumber semulajadi menjadikan taman marin ini mendapat anugerah *The Great Barrier Reefs* kerana spesiesnya yang menyamai benua Australia (Ferse, Schultz & Jompa 2012).

Penubuhan Taman Marin Tun Sakaran (TMTS) yang mengazet lapan pulau di sekitar Pulau Bum-Bum, Semporna secara rasminya dikuatkuasakan pada Julai tahun 2004. Antara fungsi dan peranan agensi taman marin adalah melindungi kehidupan biodiversiti marin, memaksimumkan peluang janaan ekonomi, menaiktaraf program eko-pelancongan, meningkatkan kesedaran komuniti tentang kepentingan terumbu karang dan memastikan penglibatan penduduk lokal serta komuniti Bajau-Laut dalam melestarikan sumber marin pulau yang digazet.

Skim zon konservasi yang dikuatkuasakan di daerah Semporna memperkenalkan tiga zon, meliputi Zon Tangkapan Ikan, Zon Kegunaan Umum dan Zon Pemeliharaan/ Larangan (Jamili 2006). Permasalahan wujud kerana komuniti Bajau-Laut hanya terlibat dalam aktiviti perikanan berteknologi rendah yang berisiko mengancam kelestarian terumbu karang (Fox, Carrie, Michael, Kelly, Alfonso, Christopher & Loiusa 2012; Clifton 2015). Kesedaran dan kurangnya pengetahuan komuniti Bajau-Laut tentang kepentingan negara dalam usaha konservasi yang mampu meningkatkan bekalan sumber marin untuk kegunaan masa hadapan menimbulkan masalah kepada agen pentadbir (Ali Basri, Mudana & Rahman 2017).

## SOROTAN KARYA

Kebanyakan kajian sarjana antarabangsa yang menyorot mengenai ancaman kelestarian zon perlindungan marin bertumpu secara khusus terhadap struktur peraturan konservasi maritim yang dikuatkuasakan dalam kehidupan komuniti Bajau-Laut di perbatasan. Kajian tersebut dapat dilihat misalnya menerusi kajian Stacey (2007) serta Fox dan Sen (2002) tentang suku Bajo Sama Turo di perbatasan Nusa Tenggara, Republik Indonesia. Stacey (2007) serta Fox dan Sen (2002) mendapati kegiatan perikanan spesis paus dan jerung merentasi sempadan geografi Australia secara haram masih berlaku, walaupun terdapat perjanjian persefahaman antara *Australia Fisheries Management Activities* (AFMA) dengan Gabenor Republik Indonesia.

Kajian-kajian lain yang berkaitan isu ini membincangkan impak modenisasi kesan daripada proses sendetarisasi di Asia Tenggara dengan kewujudan kampung air atau *floating village*. Kajian-kajian sedia ada (spt., Chua 2016; Li 2007; Mohd. Rizal 2013) mendapati kampung air memerlukan kawalan sosial daripada pihak pentadbir. Kawalan tersebut penting kerana kurangnya pengetahuan (Clifton 2015:716) dan kesedaran komuniti terhadap keperluan melestarikan pola penggunaan sumber marin (Stacey, Steenbergen, Clifton & Acciaioli 2018:99). Natiujahnya, komuniti yang tinggal di kampung air, seperti Bajau-Laut di Malaysia, Indonesia dan Filipina membina petempatan di kawasan habitat sumber marin berhampiran terumbu karang untuk meneruskan kelangsungan hidup. Ferse et al., (2012) pula mendapati inisiatif konservasi dalam komuniti Bajau dipengaruhi oleh budaya, kepercayaan dan sistem ekonomi. Justeru, Clifton dan Cullen (2011:700) mencadangkan kajian berikutnya mengkaji pemahaman komuniti pulau tentang zon konservasi yang meliputi bidang seperti biologi, ekologi maritim dan antropologi sosial untuk mendapatkan perspektif yang lebih luas. Cadangan kajian lanjutan sebagaimana saranan Clifton dan Cullen (2011) menjadi cabaran kepada pengkaji untuk menganalisis pengetahuan komuniti Bajau-Laut dari segi struktur peraturan idea konservasi dengan meneliti populasi komuniti Bajau-Laut di Malaysia khususnya di Sabah.

## **METOD KAJIAN**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan pendekatan fenomenologi. Pendekatan fenomenologi digunakan kerana kesesuaian pendekatan untuk memberi fokus terhadap isu-isu kompleks penstrukturan Taman Marin Tun Sakaran (TMTS) yang meliputi situasi, peristiwa, pengalaman hasil dari realiti sosial yang dilalui oleh subjek kajian iaitu komuniti Bajau-Laut. Dalam hal ini, pengetahuan dan pengalaman seseorang adalah bersifat subjektif kerana lahir daripada perspektif hidup dalam sesebuah komuniti (Novel, Selvadurai, Mimi Hanida, Zaidah & Eshah 2012). Justeru, penelitian fenomenologi sebagaimana yang dihuraikan oleh Bogdan dan Biklen (2004), menerangkan bahawa pengkaji fenomenologi perlulah memahami makna dari suatu peristiwa dan hubungkaitnya dengan komuniti dalam situasi tertentu yang ditemui di lapangan. Dalam erti kata yang lain, kajian ini mementingkan penelitian terhadap pengalaman komuniti untuk diinterpretasikan dan dianalisis menjadi tema-tema kajian. Sehubungan dengan itu, pendekatan fenomenologi digunakan untuk menganalisis pengetahuan tentang penstrukturan taman marin yang lahir dari perspektif komuniti Bajau-Laut. Data primer telah dikumpulkan menerusi teknik temu bual mendalam yang diperoleh dari kajian lapangan di daerah Semporna, Sabah. Sejumlah sepuluh orang komuniti Bajau-Laut telah dipilih menggunakan teknik pensampelan bertujuan sebagai informan kajian. Dapatan kajian telah dianalisis secara manual dan dikelompokkan ke dalam tema-tema khusus.

## **DAPATAN**

### **Kategori skim zon konservasi**

Skim zon konservasi yang dikuatkuasakan di daerah Semporna terkelompok kepada tiga zon; iaitu Zon Tangkapan Ikan, Zon Kegunaan Umum dan Zon Pemeliharaan/ Larangan (Jamili 2006). Dari aspek penggunaan pula, zon konservasi ini dibahagikan kepada beberapa kategori seperti kawasan tukun tiruan, tanah adat komuniti, kawasan perikanan, ladang percubaan udang galah, sangkar ikan, ladang mutiara, ladang rumpai laut, terumbu karang, hutan simpan dan kawasan perlindungan bakau (Jamili 2006; Wood & Norida

2010). Berdasarkan temu bual secara mendalam berpandukan instrumen temu bual separa struktur bersama sepuluh orang informan, didapati informan mempunyai pelbagai pandangan, maklum balas dan pemahaman terhadap zon-zon yang distrukturkan oleh agensi Taman Marin Tun Sakaran (TMTS), daerah Semporna, Sabah. Kepelbagaian pandangan dari informan dipengaruhi oleh interaksi sosial dan proses sosialisasi yang dilalui diperingkat struktur pentadbiran sama ada pentadbiran yang bersifat formal (agensi) mahupun pentadbiran separa formal (di peringkat lokal seperti pemakluman dari JKKK/ Penghulu/Penggawa).

### **Zon Kegunaan Umum (KGU)**

Kajian Jamie Valiant Ng (2011) dan Jamili Nais (2006) mendedahkan bahawa terdapat tiga zon yang dikuatkuasakan oleh Taman Marin Tun Sakaran iaitu Zon Tangkapan Ikan (ZTI), Zon Kegunaan Umum (ZKU) dan Zon Pemuliharaan/Larangan (ZP/L). Berdasarkan maklum balas mengenai kategori zon, sejumlah tiga orang informan iaitu Responden 1 (R1), Responden 2 (R2) dan Responden 3 (R3) berkeupayaan memberikan maklum balas yang tepat tentang sistem zon yang diperkenalkan oleh pihak Taman Marin Tun Sakaran. Kenyataan yang menyentuh tentang kategori dan manfaat ketiga-tiga zon kepada komuniti, diperlihatkan menerusi kenyataan informan R1 yang menjelaskan bahawa setiap zon mempunyai kegunaan tertentu bagi menjaga kepentingan semua komuniti di daerah Semporna. R1 menjelaskan:

“Macam zon tangkap ikan itu bebas dan siapa mahu memancing semua boleh. Kalau zon komuniti...sama dengan zon ikan tapi mesti mahu daftar dengan taman marin, dapat permit ada nombor perahu yang sah baru dapat kebenaran untuk masuk. Agen pelancong mesti sedia permit kalau tidak, memang tidak boleh masuk. Yang zon peliara (pemuliharaan) agaknya berperanan memaklumkan komuniti sebagai kawasan larangan ambil ikan dan karang dan di dalam situ ada sangkar”

Mengenai manfaat kegunaan zon yang diperkenalkan oleh Taman Marin Tun Sakaran pula, informan R2 memperlihatkan sedikit persamaan dengan kenyataan yang dinyatakan oleh R1. Penjelasan R2 dapat dihayati dalam kenyataannya seperti berikut:

“Sefaham saya masa program yang dibuat di sekolah berpusat Bum-Bum, zon menangkap ikan bebas keluar. Kalau zon kegunaan umum tu dia sifatnya bebas, kalau ada kompeni mau masuk tanam rumpai atau pengilang mau ternak benih rumpai, macam ternak spesis mutiara kah boleh asalkan daftar dan istihar sama taman marin. Kalau bot pelancong dibolehkan masuk tapi ada kawasan yang terhad sebab kawasan tu tempat terumbu karang. Lebih kurang jugalah sama zon memelihara yang dibolehkan masuk kepada team pengkaji. Budak UMS, UKM selalu datang ke sekolah juga buat program dengan cikgu sains pasal zon tu”.

Bagi R3 pula, manfaat kegunaan zon diketahui berdasarkan pengalaman dan rutin harian tugas R3 sebagai salah seorang kakitangan agensi Taman Marin Sabah. Rondaan bersama penguatkuasa pada setiap hari menjadi satu kewajiban kepada R3 sekiranya keadaan cuaca mengizinkan. Dalam hal ini, R3 menjelaskan:

“Zon menangkap ikan adalah kawasan yang dikhaskan untuk semua komuniti tapi dengan gear pancing yang dibenarkan. Zon guna umum semua komuniti boleh masuk tapi bot ka perahu ka mesti report dulu dengan taman. Zon peliara ini tidak boleh ada aktiviti langsung pun. Rutin kami round semua zon ini di sekitar taman marin dan pulau-pulau Semporna. Kalau ada ditangkap semua alat akan dirampas, kalau ada permit kita tengok tanggal luputnya. Pelancong pun dibekalkan permit harian untuk satu hari kegunaan daripada agen berdaftar”.

Maklum balas oleh R1, R2 dan R3, memberi maklumat kepada kajian bahawa setiap zon mempunyai kepentingannya. Dalam masa yang sama, terdapat satu kawasan zon yang mempunyai sangkar spesis ikan dan hidupan akuatik lain yang jarang ditemui selain di pulau daerah Semporna. Hal ini dapat dibuktikan menerusi laporan terbitan agensi taman marin berdasarkan Pelan Pengurusan Taman Marin yang telah bermula sejak tahun 2000. Antara laporan tersebut ialah *Socio-Economic Monitoring in Taman Marin Tun Sakaran Results of the 2006 Community Census* (Wood, Suliansa & Brunt 2007), *Progress Towards Development of Alternative Livelihoods in Tun Sakaran Marine Park* (Wood,

Brunt, Bavoh & Jamie Ng 2011) dan *Semporna Island Darwin Projects Report of Semporna Coral Seas Roadshow* (Wood & Norida 2010).

### **Zon Tangkapan Ikan (ZTI)**

Maklum balas berkaitan tahap pengetahuan Zon Tangkapan Ikan (ZTI) diperlihatkan menerusi enam orang informan iaitu Responden 4 (R4), Responden 5 (R5), Responden 6 (R6), Responden 7 (R7), Responden 8 (R8) dan Responden 9 (R9). Majoriti informan menerangkan bahawa mereka hanya mengetahui tentang Zon Tangkapan Ikan (ZTI) berdasarkan interaksi sosial bersama rakan dan ahli keluarga terdekat yang tinggal di sekitar Taman Marin Tun Sakaran (TMTS). Kenyataan salah seorang informan berhubung ketidakpastian tentang zon konservasi dapat ditelusuri menerusi respons R7:

“Saya memang tidak tahu awalnya dan tidak pasti macam mana ada arahan kawasan ini. Pasal kebanyakan yang saya perati orang yang ada pangkat yang tahu ini cerita. Jadi kami ini di kampung yang sudah menetap dan tidak nomad dapat tahu dari si Haji Tanjung (R1) lah dan kawan kampung lain. Saya kurang pasti ada berapa zon sebab pernah satu kali saya bawa van chatar terbaca di pondok bas arahan tu...selang seminggu ada program diberi net ketam sama kami. Ada tangki dekat kampung supaya tidak turun laut. Kawasan menangkap ikan saya tahu lah sebab memang ada pakcik di sana itu selalu cari ikan”.

Berlainan dengan R4 dan R9, informan mengetahui kewujudan dan penguatkuasaan zon yang digazet melalui pengalaman berinteraksi dengan rakan sebaya. R4 merupakan nelayan yang beroperasi secara solo dan menyara kehidupan dengan menjual ikan hasil tangkapan berhampiran Jeti Awam Semporna. R4 menjelaskan bahawa, perbualan harian bersama peniaga kecil-kecilan menyebabkan beliau sedar wujud peraturan di zon konservasi sekitar kehidupan nomad. Menurut beliau:

“Kawanku di pasar tu yang kasi tau kalau kita nda keluar dari laut jam 6 petang, kena tangkap sama ESSCOM. Segala ikan diambil, jadi tiada suda maaf. Aku tiada surat dan permit. Ku mengambik juga ikan sama sodara ku di Kampung Tundun”.



Berbeza dengan R5 pula, informan menerangkan bahawa wujud perbezaan dengan situasi yang pernah dilaluinya di Filipina berbanding di Sabah. Menurut R5, perbezaan antara kedua-dua buah negara adalah seperti berikut:

“Saya ini tidak pasti di sini, tapi di Filipina bebas dari peraturan zon. Berbeza dengan daerah Semporna, penguatkuasaan terlalu ketat di perbatasan perairan Sabah-Filipina”

Analisis temu bual bersama R5 menunjukkan informan ini merasakan tiada kebebasan dalam melaksana rutin harian sebagai kuli pelabuhan. Dalam hal ini, pandangan Ferse et al., (2012) boleh diterima dalam menjelaskan peranan sekatan dan kawalan sosial yang meningkatkan kepatuhan komuniti terhadap struktur program. Ia bertepatan dengan situasi R5 kerana sekatan birokrasi daripada penguatkuasa diwujudkan untuk mengawal keselamatan perairan dan kelestarian taman marin. Bagi R6 pula, aspek keselamatan dianggap sebagai inisiatif penguatkuasaan zon konservasi. Dalam hal ini, R6 menjelaskan bahawa:

“Supaya semua penduduk selamat. Kalau tidak mungkin perairan dan pulau-pulau di Semporna ini tidak aman dari sebarang kekacauan (pencerobohan lanun)”

Kenyataan R6 memperlihatkan bahawa R6 tidak mempunyai kebebasan dalam mengatur rutin perjalanan harian disebabkan oleh struktur peraturan yang tidak memihak kepada jenis pekerjaan beliau sebagai Pemandu Perahu Barangan. Selanjutnya, R8 memaklumkan pandangannya bahawa pelaksanaan skim zon konservasi hanya melibatkan kelompok pelancong yang mengunjungi pulau daerah Semporna. R8 menerangkan bahawa:

“Saya merasakan mungkin terlalu ramai orang pelancong datang sini ke daerah Semporna dan itulah menyebabkan adanya peraturan zon ini”.

R8 menerangkan faktor utama inisiatif pelaksanaan zon konservasi berlaku kerana kehadiran pelancong yang terlalu ramai saban tahun di daerah Semporna.

Kajian ini mendapati maklum balas dan pandangan dari informan R4, R5, R6, R7 dan R8 adalah selari dengan analisis Kwok Chin Hoe dan Haris Abdul Wahab (2015) yang mendapati seringkali perasaan tidak puas hati wujud dalam komuniti disebabkan keputusan yang dibuat oleh pihak pentadbir tidak sesuai dengan keinginan dan perubahan yang dikehendaki dalam sesebuah program. Dalam hal tersebut, Wood dan Habibah (2014), mencadangkan agar desentralisasi kuasa dijalankan agar kuasa autoriti dapat diagihkan antara pemimpin lokal dan kerajaan tempatan.

### **Zon Pemuliharaan/ Larangan (ZPL)**

Kajian ini mendapati bahawa hanya dua sahaja informan iaitu Responden 10 (R10) dan Responden 9 (R9) yang menerangkan bahawa mereka hanya mengetahui mengenai kewujudan Zon Pemuliharaan/Larangan (ZPL) di sekitar Taman Marin Tun Sakaran. Menurut R10, pengetahuannya sangat dipengaruhi oleh maklumat JKKK dan PEKEBAL yang menerangkan bagaimana peraturan tentang zon di sekitar kawasan yang digazet. Kesukaran utama R10 dari segi memahami peraturan zon secara umum terbatas kerana beliau tidak pernah memperoleh pendidikan; sama ada formal mahupun tidak formal. R10 dalam kenyataannya menjelaskan bahawa:

“Saya tahu mana yang kena dengan saya. Jadi apa yang (R1) dan (R2) bagi tahu itu lah yang saya faham. Ada juga taman marin melawat kami di kampung beri paham kami kawasan yang boleh dimasuk kawasan yang dilarang masuk. Tapi susah kami mahu faham sebab tidak semua berkaitan dengan kami. Macam kerja saya ini yang saya tahu ada lah zon peliharaan”.

Berdasarkan respon oleh R10, dapat difahami bahawa proses sosialisasi yang diterima berlaku dalam interaksi sosial bersama pemimpin lokal dan rakan sebaya. Namun demikian, bentuk sosialisasi sebegini tidak berupaya memberi kefahaman menyeluruh kepada R10. Ini kerana jenis pekerjaan R10 sebagai penjual kerang mengehendak pemahaman beliau tentang beberapa kawasan zon lain. Pengalaman R10 sebagai rakan kepada R9 yang pernah dikenakan tindakan oleh penguatkuasa di kawasan perairan menyedarkan R9 bahawa Zon Pemuliharaan/ Larangan (ZPL) diperintah dan dikawal oleh pihak taman marin. Dalam hal ini, R9 menjelaskan bahawa:

“Si R4 selalu berpesan kepada suami saya agar tidak ke sana lagi kerana telah dikawal. Tetapi anak-anak degil saya terlalu degil kerana mahu mengikuti bapa di laut seperti dahulu. Sekarang saya memaksa anak untuk duduk di G-Mart belajar mengangkat barang sama jadi penjual beg plastik hitam”

Dalam hal ini, kajian ini mendapati pemahaman komuniti ini tentang kategori dan manfaat zon bergantung kepada pekerjaan mereka, serta proses interaksi sosial yang berlangsung. Dapatan ini selari dengan kajian Fabinyi (2013:40) yang juga mendapati pemahaman terhadap pembentukan zon konservasi dipengaruhi oleh perspektif individu, budaya dan kepercayaan. Begitu juga dengan kajian oleh Ferse et al., (2012) yang mendapati kegunaan sumber marin oleh komuniti Bajau-Laut adalah berbeza-beza mengikut keperluan mereka, dan lazimnya ia melangkaui penstrukturan yang dikuatkuasakan oleh agensi taman marin. Dalam hal ini, Asnarulkhadi (2012) serta Kwok dan Haris (2011) menyatakan bahawa komuniti yang tidak menganggotai sebarang organisasi berada pada tahap penerimaan yang rendah, di samping mempunyai pengetahuan dan pemahaman yang terhad. Keadaan ini selari dengan profil R10 dan R9 yang tidak menganggotai sebarang keahlian dalam organisasi Persatuan Kebajikan Bajau-Laut (PEKEBAL).

## **PERBINCANGAN**

Kajian ini mendapati sumber pengetahuan dan proses sosialisasi yang dilalui oleh komuniti Bajau-Laut adalah berbeza. Ia bergantung kepada proses interaksi sosial dan tahap sosialisasi yang dilalui oleh komuniti Bajau-Laut. Dalam hal ini, andaian kepada persoalan utama makalah ini telah terjawab berdasarkan penyelidikan fenomenologi yang digunakan ke atas pengalaman subjek kajian iaitu komuniti Bajau-Laut. Tahap pengetahuan dipengaruhi oleh penglibatan dan kesediaan komuniti Bajau-Laut untuk berinteraksi dengan pihak struktur iaitu agensi taman marin. Namun demikian, situasi sebegini tidak ditemui dalam majoriti informan kajian. Hanya beberapa orang informan sahaja yang menganggotai organisasi tidak-formal di peringkat lokal.

Penjelasan daripada sudut teoritikal menerusi data kajian pula dapat disimpulkan dengan konsep *struktur* dan *agensi* (Giddens 1984). Struktur merujuk kepada kelakuan aktor yang dibentuk dengan kepatuhan kepada kuasa sosial di peringkat institusi (Giddens 1984:219). Agensi merujuk kepada analisis individu sebagai aktor manusia untuk berperilaku tanpa dipengaruhi oleh aktor lain (Giddens 1984:219). Penerangan Giddens (1984:219) tentang kedua-dua konsep tersebut, dapat dihubungkan dengan peraturan Skim Zon Konservasi yang dikuatkuasakan daripada agensi Taman Marin Tun Sakaran. Struktur peraturan zon seperti Zon Tangkapan Ikan (ZTI), Zon Kegunaan Umum (ZKU) dan Zon Pemuliharaan/ Larangan (ZP/L) diimplementasi dalam kehidupan komuniti Bajau-Laut bagi membentuk kesedaran terhadap kepentingan melestarikan penggunaan sumber marin.

Perilaku yang memberi rasional dan refleksi ke atas sesebuah perkara diperhatikan selari dengan konsep *rasionalisasi* dan *refleksiviti* oleh Giddens (1996:395) dalam Teori Strukturasi. Dalam hal ini, Giddens (1984:2) menerusi konsep *rationalization* dan *reflexivity* menerusi pendekatannya menerangkan bahawa:

*“Activities are not brought into being by social actors but are continually recreated by them via the very means whereby they express themselves as actors. In and through their activities agents produce the conditions that make these activities possible”*

Dalam masa yang sama juga, wujud situasi di mana informan memberi rasional ke atas struktur yang dikuatkuasakan oleh pihak berautoriti. Ianya dibuktikan apabila informan mempersoalkan kepentingan memelihara sumber, mengubah jenis petempatan dan pola pekerjaan mereka. Ini kerana informan merasakan bahawa sejarah identiti komuniti Bajau-Laut berasal daripada ssuur galur yang akrab dengan aktiviti perikanan. Hal tersebut mendorong mereka untuk sentiasa merefleksikan sistem zon yang dikuatkuasakan dalam kehidupan. Bagi mereka, pengurusan sumber marin oleh agensi taman marin bertentangan dengan sistem dan kepercayaan *embo-dilaut* (nenek moyang) terhadap rezeki dan tuah iaitu *padalleang* ketika aktiviti perikanan dijalankan (Clifton 2015).

## KESIMPULAN

Makalah ini membicarakan tentang penelitian tahap pengetahuan komuniti Bajau-Laut terhadap penstrukturan zon konservasi di Taman Marin Tun Sakaran. Profil sosio-demografi informan terdiri daripada pelbagai latar belakang tahap pendidikan, jenis pekerjaan, pola petempatan, umur dan pengalaman sosial di daerah Semporna. Kajian menyimpulkan bahawa penguatkuasaan zon konservasi perairan oleh pihak Taman Marin Tun Sakaran sebagai pihak yang berautoriti sangat ditentukan oleh proses penyaluran maklumat kepada komuniti lokal iaitu komuniti Bajau-Laut. Proses penyaluran maklumat berkaitan kepentingan zon konservasi dan kelestarian terumbu karang menentukan sikap komuniti terhadap inisiatif pelaksanaan zon dan manfaat yang diperolehi. Dalam masa yang sama, interaksi sosial komuniti Bajau-Laut dengan pihak berautoriti yang terbatas pula menentukan bagaimana sosialisasi yang diterima membentuk kefahaman komuniti. Sehubungan itu, secara generalisasinya kajian berpandangan bahawa tahap pengetahuan komuniti Bajau-Laut berada pada tahap sederhana dan belum bersedia untuk menerima secara positif penstrukturan Taman Marin Tun Sakaran (TMTS) sebagai sebuah proses pembangunan persekitaran pulau dalam kalangan komuniti.

## RUJUKAN

- Ali Basri, L., Mudana, I. W., & Rahman, A. (2017). The negative stigma against the Bajo Tribe and its impact on local culture: Study of the Bajo Tribe in Bungin Village of South Konawe. *Asian Culture and History*, 9(2), 90-95.
- Archer, M. S. (2003). *Structure, Agency and the Internal Conversation*. Cambridge, New York: Cambridge University Press.
- Asnarulkhadi, A. S., & Fariborz, A. (2009). People's participation in community development: A case study in a planned village settlement in Malaysia. *World Rural Observations*, 1(2), 45-54.
- Asnarulkhadi, A. S., Maryam, A. S., & Roozbeh, B. H. (2012). Factors affecting educational tourism development among local communities in the Klang Valley, Malaysia. *Life Science Journal*, 9(4), 3298-3303.

- Bogdan, R., & Biklen, S. K. (2007). *Qualitative research for education: An introduction to theories and methods*. U.S.A: Pearson Education Publications.
- Brunt, H. (2013). *Stateless stakeholders: Seen but not heard? The case of the Sama Dilaut in Sabah, Malaysia* (Master's Thesis). Anthropology of Development and Social Transformation. University of Sussex, United Kingdom.
- Clifton, J. (2015). Maritime ecocultures: Bajau communities in eastern Indonesia. In Bohhm, S., Bharucha, ZP., & Pretty, J. (Eds.), *Ecocultures: Blueprints for sustainable communities* (pp.716–725). London, New York: Routledge.
- Fabinyi, M. (2013). Social relations and commodity chains: The live reef fish for food trade. *Anthropological Forum*, 23(1), 36–57.
- Ferse, M. G., Schultz, C., & Jompa, J. (2012). *Linking research to Indonesia's CTI Action Plan: The Spice Program*. 12th International Coral Reef Symposium. Cairns, Australia.
- Fox, H. E., Carrie, S. S., Michael, B. M., Kelly, M. H., Alfonso, V. L., Christopher, R. P & Louisa, W. (2012). Explaining global patterns and trends in Marine Protected Area (MPA) development. *Marine Policy*, 3(6), 11-31.
- Giddens, A. (1984). *The constitution of society. Outline of the Theory of Structuration*. Berkeley, Los Angeles: University of California Press.
- \_\_\_\_\_. (1996). Affluence, poverty and the idea of a post-scarcity society. *Development and Change*, 27(2),1-11.
- Jamili Nais. (2006). Traditional knowledge in ecosystem management Sabah parks' experience. Fourth Sabah-Sarawak Environmental Convention. *Sabah Park Board*, 1(1), 4-4.
- Jamie Valliant Ng. (2011). *Progress towards development of alternative livelihoods in Tun Sakaran Marin Park*. Semporna Islands Darwin Project (1-25). Marine Conservation Society. Sabah.
- Kwok Chin Hoe & Haris Abdul Wahab. (2015). *Penyertaan masyarakat Iban dalam program pembangunan komuniti*. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.

- Novel, Lyndon., Er A. C., Selvadurai, S., Mimi Hanida, A. M., Zaidah Mustapha & Eshah Mohamed. (2012). Pemahaman komuniti Penan tentang makna keperkasaan dalam Program Penempatan Semula (PPS) di Daerah Belaga, Sarawak. *Geografia- International Journal of Development, Society and Environment*, 8(8) (Themed issue on the environment and society in the Malaysian-Indonesian development experience: Issues and Challenges), 96 – 105.
- Roberts, C. M., Bohnsack, J.A., Gell, F., Hawkins, J. P. & Goodridge, R. (2001). Effects of marine reserves on adjacent fisheries. *Science*, 294,1920-1923.
- Stacey, N., Steenberg, D. J., Clifton, J. & Acciaioli, G. (2018). Understanding social wellbeing and values of small-scale fisheries amongst the Sama-Bajau of Archipelagic Southeast Asia. In Johnson, D., Acott, T., Stacey, N., Urquhart J. (Eds.) *Social wellbeing and the values of small-scale fisheries* (97-123). Canada, Australia, London: MARE Publication Series, Springer.
- Warren, J.F. (2011). *The global economy and the Sulu Zone: Connections, commodities and culture. Studies on the History of Exchange Relations in the East Asian World*. Crossroad: New Day Publishers.
- Wood, E. & Habibah, Y. (2014). *Bajau Laut customs, viewpoints and perceptions concerning marine resource use in Semporna*. Sabah: Unpublished report.
- Wood, E. M. & Norida Salimeu. (2010). *Semporna Islands Darwin Project: Capacity building to enhance Marine Protected Area effectiveness*. Report of the Semporna Coral Seas Roadshow. January 18th to February 5th 2010. Sabah.